

4) KONSEP PERUMAHAN MADANI

Adun : Y.B. Tuan Syed Ahmad Bin Abdul Rahman Alhadad (Lembah Jaya)

Kategori : Bertulis

Sesi : 3 (2025)

Sub soalan :

- a) Apakah konsep perumahan MADANI yang diterapkan YAB PM di Putrajaya akan diperluaskan di peringkat negeri?**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor tidak menolak dengan konsep perumahan MADANI yang diterapkan oleh YAB PM untuk dilaksanakan di peringkat negeri. Konsep perumahan MADANI merujuk kepada pembangunan perumahan yang holistik dan berpusatkan rakyat, yang merangkumi penyediaan kemudahan seperti pendidikan, keselesaan, dan kualiti hidup yang baik, selari dengan prinsip Malaysia MADANI. Selain pembangunan prasarana, ia juga merangkumi program khusus seperti Residensi MADANI, sebuah program perumahan mampu milik untuk golongan berpendapatan rendah, bertujuan membantu mereka memiliki rumah yang selesa dan berkualiti.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) amat prihatin terhadap golongan sasaran bagi pemilikan Rumah Mampu Milik / Rumah Selangorku. Konsep perumahan MADANI ini juga mempunyai persamaan dengan Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor (Dasar Rumah Selangor 3.0) yang digunapakai ketika ini, di mana kumpulan sasarannya adalah bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki kediaman sendiri.

Konsep ini juga menekankan pembangunan konsep *Kota Madani* yang lebih luas, iaitu menyediakan kemudahan asas seperti sekolah, hospital, balai polis, balai bomba, dan masjid di sekitar kawasan perumahan untuk keselesaan penduduk.

Oleh itu, kita akan menyambut baik hasrat mana-mana pihak untuk membangunkan konsep tersebut dan LPHS akan menjadi pemudahcara kepada pembangunan tersebut.